

Lelaki dilepas tanpa dibebaskan daripada tuduhan cederakan adik lelaki guna pisau

KUCHING: Seorang lelaki tempatan kini mampu menarik nafas lega selepas Mahkamah Majistret Kota Samarahan kelmarin melepaskannya tanpa membebaskannya (DNAA) daripada tuduhan mencederakan adik lelakinya menggunakan sebilah pisau, susulan penarikan balik laporan polis oleh pengadu utama kes tersebut.

Majistret Shafiza Binti Datu Abdul Razak Tready menetapkan demikian selepas pengadu utama memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau tidak lagi mahu meneruskan tindakan terhadap tertuduh serta secara rasmi menarik balik laporan polis yang dibuat sebelum ini.

Tertuduh, Jong Chi Siong, 36, didakwa menyebabkan kecederaan terhadap mangsa dengan menggunakan sebilah pisau dalam kejadian di Asajaya pada 13 September 2023.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana gabungan hukuman tersebut jika sabit kesalahan.

Bagi kesalahan yang dilakukan terhadap ahli keluarga, Seksyen 326A turut membolehkan mahkamah menjatuhkan hukuman sehingga dua kali ganda tempoh maksimum yang diperuntukkan.

Tertuduh yang sebelum ini dibenarkan ikat jamin sementara menunggu kes selesai, dibebaskan susulan perintah mahkamah tersebut.

Jong diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Russell Lim Jian Liang dan Lai Eddy, manakala pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Fadzri Azham Zainudin.